



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS: 15/2026

MyATHLETE CENTRE MEMPERKUKUH EKOSISTEM SUKAN NEGARA

27 FEBRUARI 2026

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) menerusi Majlis Sukan Negara (MSN) meneruskan usaha memperkukuhkan ekosistem sukan negara menerusi pelancaran MyAthlete Centre yang bakal menjadi hab kesejahteraan holistik untuk atlet negara.

Pusat ini merupakan pertama seumpamanya di Malaysia yang akan menjadi tempat riadah dan bersantai untuk para atlet, selain ruang untuk mengadakan program dan aktiviti bagi mengeratkan lagi semangat berpasukan dalam kalangan mereka.

Lebih bermakna lagi, MyAthlete Centre akan dikendalikan oleh atlet-atlet sendiri sebagai pekerja sambilan. Pusat ini bakal menjadi **centre for athletes, by athletes**.

Di pusat ini, para atlet dapat beristirahat dan menguruskan tekanan di tengah tuntutan latihan dan persediaan untuk mewakili negara dalam kejohanan. Ia juga akan menjadi tempat rujukan buat atlet kita mendapatkan nasihat dan maklumat berkaitan pendidikan, kebajikan dan laluan kerjaya mereka. Hal ini diharap dapat membantu atlet kebangsaan untuk meneroka lebih banyak ruang pada masa hadapan.

Dengan segala yang disediakan MSN di pusat ini, saya berharap MyAthlete Centre akan dapat menambah baik kesejahteraan para atlet, khususnya dalam soal kebajikan dan kesihatan mental.

Apatah lagi kontinjen negara akan berdepan dengan tiga misi besar pada tahun ini, iaitu Sukan Komanwel di Glasgow serta Sukan Asia dan Sukan Para Asia di Nagoya dan Aichi di Jepun.

Myathlete Centre adalah cerminan komitmen Kerajaan MADANI dalam menjaga atlet-atlet yang mengharumkan nama negara. Justeru, jika projek perintis ini dapat memberi manfaat seperti yang diharapkan, KBS akan menimbang untuk mewujudkan dua lagi pusat seumpamanya.

YB DR. MOHAMMED TAUFIQ JOHARI
MENTERI BELIA DAN SUKAN

